

JAWATAN : PEMBANTU PUSTAKAWAN

GRED : S19

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,352.00	RM 4,003.00	RM 100.00

ELAUN:

Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 115.00

Imbuan Tetap Perumahan : RM 300.00

Bantuan Sara Hidup : RM 300.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil

Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil

Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80); atau

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TARAF JAWATAN : TETAP

LOKASI : UTM Johor Bahru

**CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

- 1) Pemohon hendaklah menggunakan borang permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
- 2) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses dan akan dianggap tidak berjaya.
- 3) Pemohon hendaklah menggunakan gambar berukuran pasport dan menggunakan format JPEG.
- 4) Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 5) Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan hendaklah diserahkan 2 minggu sebelum temuduga. (Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan keatas)
- 6) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 7) Pemohon yang menggunakan kelulusan Peperiksaan Khas, sila memohon secara manual.
- 8) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan dan Kenaikan Pangkat),  
Bahagian Sumber Manusia,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Johor Bahru.

**SYARAT TAMBAHAN :**

- 1) Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik akan diberikan keutamaan.
- 2) PEROKOK ADALAH TIDAK DIGALAKKAN MEMOHON.

**DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan perpustakaan termasuk pinjaman antara perpustakaan.